

TERJEMAHAN SEMANTIKO-KOMUNIKATIF:
SATU ANALISIS PROSEDUR TERJEMAHAN

oleh

KHAMARIAH BT. AHAMED

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

Mac 2000

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang berikut:

- **En. Zainuddin Ghazali** selaku Penyelia Utama penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih diucapkan di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau yang telah membolehkan penyelidikan ini disempurnakan.

- **Profesor Mashudi Kader** selaku Penyelia Kedua penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kerana beliau telah sanggup bersabar dan meluangkan masa mengamati hasil kerja saya dan telah memberikan nasihat, rangsangan dan galakan untuk saya melengkapkan penyelidikan ini sesempurna yang mungkin.

- **En. V. P. Mohan** di Pusat Bahasa & Terjemahan, USM.

Segala masa beliau yang diluahkan untuk memberi nasihat dan berkongsi pengalaman dengan saya amat dihargai.

- **Hazlina, Hazleen dan Hazliyati**

Kesabaran, kerjasama dan sokongan anak-anak telah berjaya merangsangkan saya untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

- **Rakan-rakan sekalian**

Terima kasih banyak-banyak kerana telah memberi sokongan moral yang begitu menggalakkan.

SENARAI KANDUNGAN

Tajuk	i
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Kependekan Kata	viii
Abstrak	xi
Abstract	xiv

BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Keperluan Untuk Kajian Ini	1
1.2 Tujuan Kajian	2
1.3 Bidang Kajian	2
1.4 Bahasa Kiasan	4
1.5 Batas Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Kerangka Analisis	18
1.8 Kaedah Kajian	37
1.9 Sumber Data	42
1.10 Organisasi Kajian	44

BAB 2 : LATAR BELAKANG TEORI	48
2.0 Pengenalan	48
2.1 Definisi Istilah ' <i>terjemah</i> '	48
2.2 Definisi Istilah ' <i>penterjemahan</i> '	51
2.2.1 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Proses Pemindahan</i> '	52
2.2.2 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Penggantian Teks Asal</i> '	54
2.2.3 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Aktiviti Yang Terikat Dengan Peraturan</i> '	55
2.2.4 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Proses Komunikasi</i> '	56
2.2.5 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Aktiviti Kognitif</i> '	57
2.2.6 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Proses Dinamik</i> '	58
2.2.7 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Penggantian Teks Sumber</i> '	59
2.2.8 <i>Penterjemahan</i> Sebagai ' <i>Penghasilan-Semula Mesej</i> '	60
2.3 Isu Keterjemahan Teks	62
2.3.1 Catford (1965)	62
2.3.2 Wills (1982)	64
2.3.3 Bassnett (1991)	67
2.3.4 Callow (1990)	69
2.4 Teori Terjemahan	71
2.4.1 Teori Terjemahan Dolet (1909-1546)	72

2.4.2 Teori Terjemahan Chapman (1559-1634)	74
2.4.3 Batteux (1713-80)	76
2.4.4 Teori Terjemahan Campbell (1789)	77
2.4.5 Teori Terjemahan Nida (1964), Nida & Taber (1974)	78
2.5 Prosedur Terjemahan	83
2.5.1 Prosedur Terjemahan Nida (1964)	83
2.5.2 Prosedur Terjemahan Vinay/Darbelnet (1958) & Malblanc (1961)	92
2.5.3 Prosedur Terjemahan Larson (1984)	98
2.5.4 Prosedur Terjemahan Bell (1991)	107
2.6 <i>Makna dan Penterjemahan</i>	114
2.6.1 Kategori Semantik <i>Newmark (1981)</i>	118
2.6.2 <i>Makna dan Bahasa Kiasan</i> Dalam Penterjemahan	120
2.7 Rumusan	123

BAB 3: PROSEDUR TERJEMAHAN SEMANTIKO-KOMUNIKATIF

(Peringkat I & II)	129
3.0 Pendahuluan	129
3.1 Peringkat Menganalisis Teks Bahasa Sumber	132
3.1.1 Langkah Bacaan <i>Peringkat Awal</i>	133
3.1.2 Langkah Bacaan <i>Peringkat Kedua</i>	135

3.1.3 Langkah Bacaan <i>Peringkat Akhir</i>	164
3.1.4 Langkah Membuat Rujukan	164
3.2 Peringkat Menganalisis Unit Terjemahan	
Bahasa Kiasan Sumber	166
3.2.1 Langkah Menentukan <i>Elemen</i> Kiasan	166
3.2.2 Langkah Menentukan <i>Unit Terjemahan</i>	
Bahasa Kiasan	181
3.3 Rumusan	192

BAB 4: PROSEDUR TERJEMAHAN SEMANTKO-KOMUNIKATIF

(Peringkat III & IV)

4.0 Pendahuluan	196
4.1 Peringkat Menganalisis Makna Bahasa Kiasan	196
4.1.1 Langkah Memahami Fungsi Rujukan	
Bahasa Kiasan	197
4.1.2 Langkah Menentukan <i>Faktor Yang</i>	
<i>Menimbulkan Masalah</i>	210
4.1.3 Langkah Memilih <i>Strategi Penentuan Makna</i>	
Bahasa Kiasan	226
4.2 Peringkat Menterjemah Bahasa Kiasan	254
4.2.1 Langkah Menentukan <i>Skala Stilistika</i>	
Bahasa Kiasan	255

4.2.2 Langkah Menentukan <i>Nada Emosi</i>	
Bahasa Kiasan	257
4.2.3 Langkah Menentukan <i>Cara</i>	
<i>Pengubahsuaian</i> Bahasa Kiasan	268
4.2.4 Langkah Mencari <i>Persamaan</i>	273
4.3 Kesimpulan	302

BAB 5: PENUTUP

5.0 Pengenalan	306
5.1 Dapatan Hasil Kajian	306
5.2 Cadangan Kajian	310

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN AM

DAFTAR ISTILAH

LAMPIRAN

KEPENDEKAN KATA

b	-	bahasa
dll	-	dan lain-lain
drpd	-	daripada
gem	-	gembira
hlm	-	halaman
hum	-	humor
ime	-	imej
inf	-	informal
jum	-	jumlah
kag	-	kagum
kl	-	kualiti
kol	-	kolokial
km	-	keadaan mental
kom	-	komunikatif
kon	-	konsep
kpd	-	kepada
kua	-	kualiti
mar	-	marah
neu	-	neutral
obj	-	objek

ora	-	orang
per	-	perbuatan
pro	-	proses
S	-	strategi
sed	-	sedih
sem	-	semantik
sla	-	slanga
t	-	terjemahan
tab	-	tabu
teg	-	tegang
ten	-	tenang
terj	-	terjemahan
tld	-	tidak lazim digunakan
top	-	topik
ttp	-	titik persamaan
x1	-	<i>imej</i> dalam bahasa sumber
x2	-	<i>metafora</i> dalam bahasa sumber
x3	-	<i>simile</i> dalam bahasa sumber
y1	-	<i>imej</i> dalam bahasa sasaran
y2	-	<i>metafora</i> dalam bahasa sasaran
y3	-	<i>simile</i> dalam bahasa sasaran
yg	-	yang

- w - makna dalam bahasa sasaran
- S - kaedah *semantik*
- K - kaedah *Komunikatif*
- S/K - kaedah *Semantiko-Komunikatif*

ABSTRAK

Kajian ini membentangkan satu prosedur terjemahan yang berkesan untuk mengatasi masalah penterjemahan bahasa kiasan daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber kepada bahasa Malaysia sebagai bahasa sasaran. Kaedah terjemahan yang digunakan dalam prosedur ini ialah *terjemahan semantiko-komunikatif* yang digunakan bagi penterjemahan bahasa kiasan yang bermasalah dalam teks prosa kesusasteraan Inggeris khususnya. Teks sumber sebagai bahan kajian ialah teks sastera *Dubliners (Joyce, 1914)*, iaitu sebuah antologi yang terdiri daripada lima belas cerpen. *Terjemahan literal* ternyata tidak berkesan digunakan untuk memindahkan makna tersirat bahasa kiasan sumber kerana ia tidak dapat menemukan persamaan yang sejadi atau yang paling hampir, di samping tidak dapat menjaga kepentingan *stail* teks sumber.

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini ialah analisis tentang empat peringkat utama prosedur terjemahan semantiko-komunikatif. Peringkat-peringkat ini ialah peringkat menganalisis teks sumber, peringkat menganalisis unit terjemahan bahasa kiasan, peringkat menganalisis makna bahasa kiasan, dan peringkat menterjemahkan bahasa kiasan. Di samping itu, analisis secara terperinci dilakukan untuk menunjukkan langkah-langkah terjemahan sebenar yang diamalkan bagi setiap empat peringkat prosedur terjemahan semantiko-komunikatif bagi penterjemahan bahasa kiasan.

Kajian menunjukkan bahawa kaedah *literal* tidak dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan, akan tetapi ia dapat digunakan sebagai satu *kaedah untuk menentukan 'elemen' kiasan* dalam bahasa kiasan Inggeris sebagai bahasa sumber.

Kajian juga menunjukkan bahawa kaedah *semantik* tidak sesuai digunakan untuk menghasilkan persamaan kiasan yang sejati atau yang paling hampir kerana kaedah tersebut mengutamakan *makna literal* dan *bentuk* bahasa kiasan sumber, dengan ertikata ia mengekalkan *imej* bahasa sumber. Namun begitu, kaedah *semantik* didapati sesuai digunakan sebagai langkah pertama dalam kaedah semantiko-komunikatif.

Kajian turut menunjukkan bahawa kaedah *komunikatif* juga tidak dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan kerana kaedah ini *memberikan kebebasan* untuk penggunaan imej bahasa sumber. Kaedah ini juga mengutamakan unsur kolokial bahasa sasaran serta lebih cenderung untuk menyampaikan semula mesej atau maklumat dengan cara menggunakan ungkapan biasa sahaja. Akan tetapi, kaedah *komunikatif* didapati boleh digunakan sebagai langkah kedua dalam kaedah semantiko-komunikatif.

Kajian mendapati prosedur terjemahan semantiko-komunikatif dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan Inggeris sebagai bahasa sumber kepada bahasa Malaysia sebagai bahasa sasaran. Kaedah *semantiko-komunikatif* ialah

pertindihan atau *gabungan* kaedah *semantik* dan kaedah *komunikatif*. Kaedah ini terdiri daripada *tiga langkah* terjemahan. Ia bermula dengan langkah terjemahan *semantik* dan diikuti dengan langkah terjemahan *komunikatif*. Akhirnya, kedua-dua terjemahan ini diselaraskan supaya menjadi kaedah *semantiko-komunikatif*. Kajian mendapati tiga langkah terjemahan ini *berkesan* untuk menghasilkan *persamaan* bahasa kiasan yang *sejadi* atau yang *terdekat* dengan makna bahasa kiasan sumber.

**SEMANTICO-COMMUNICATIVE TRANSLATION:
AN ANALYSIS OF THE TRANSLATION PROCEDURE**

ABSTRACT

This thesis presents an effective translation procedure to overcome the problem of translating figurative language from English as a source language into Malay as a second language. The translation method used in this procedure is the *semantico-communicative translation* to be used in the translation of problematic figurative language in the English literary prose texts mainly. The source text used in this thesis is the *Dubliners (Joyce, 1914)*, which is an anthology comprising of fifteen short stories. *Literal translation* is unsuitable in transferring the underlying meaning of the figurative language in the source language because it is unable to bring about an equivalence which is natural or the closest to the meaning in the source language, besides being unable to maintain the importance of *style* of the source text.

The analysis carried in this thesis is the analysis of **four main** levels of **semantico-communicative translation procedure**. They are the source-text analysis, the analysis of the unit of translation of the figurative language, the analysis of the meaning of the figurative language, and the analysis of the translation of the figurative language. In addition, a detail analysis is carried out

in order to demonstrate the actual steps undertaken in each of these four levels of semantico-communicative translation procedure for the translation of figurative language.

The study shows that *literal* translation cannot be applied in the translation of figurative language, although it can be used as a *method for the identification of figurative 'element'*.

The study also shows that *semantic* translation is not applicable as a method to be used to discover figurative equivalence which is most natural or the closest in meaning because such a method emphasizes *the literal meaning and form* of the source figurative language, in that it maintains the *image* of the source language. Nonetheless, *semantic translation* is found to be useful and can be used as the first step in the *semantico-communicative translation*.

The study also shows that *communicative* translation cannot be used in the translation of figurative language because this method gives allowance in the use of the image of the source language. This method also emphasizes more in the colloquial use of the target language and is more inclined to reproduce the message or information by the use of ordinary forms of expression only. However, communicative translation is found to be useful as the second step in the semantico-communicative translation. The study finds that the semantico-communicative procedure is suitable for the translation of figurative language

from English as the source language into bahasa Malaysia as the target language. *Semantico-communicative* translation is the overlapping or the coincidence of semantic and communicative translation. This method comprises of three steps of translation. It begins with the *semantic* translation and is followed by the communicative translation. Finally, these two methods of translation are overlapped so that they coincide to form the *semantico-communicative* translation. The study finds that these three steps of translation are effective in producing the *closest* in meaning and the *natural* equivalence of the source figurative language.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Bab ini memberikan penjelasan tentang *keperluan untuk kajian ini, tujuan kajian, bidang kajian, batas kajian, kerangka analisis, kaedah kajian dan organisasi kajian.*

1.1 Keperluan untuk Kajian Ini

Newmark (1988:104) menyatakan:

“.....masalah khusus yang paling penting ialah masalah penterjemahan metafora. Merujuk kepada istilah metafora, saya maksudkan mana-mana ungkapan figuratif (bahasa kiasan)” 1 [Terjemahan saya]

Pernyataan di atas memberikan satu rangsangan untuk saya mengadakan suatu kajian terhadap prosedur terjemahan yang praktikal dan yang mudah diikuti bagi penterjemahan bahasa kiasan khususnya. Kajian ini dirasai perlu untuk menemukan panduan-panduan yang jelas bagi manfaat para penterjemah

kesusasteraan khususnya untuk memindahkan makna yang tersirat dalam bahasa kiasan setepat mungkin yang boleh, di samping memelihara nada serta stail teks sumber.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah *untuk menganalisis empat peringkat utama dalam prosedur terjemahan semantiko-komunikatif* yang akan digunakan bagi penterjemahan bahasa kiasan, yang dipetik daripada teks kesusasteraan bentuk prosa moden, daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber kepada bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran.

Kedua, kajian ini juga bertujuan *untuk menunjukkan langkah-langkah terjemahan sebenar bagi setiap empat peringkat prosedur terjemahan semantiko-komunikatif* bagi penterjemahan bahasa kiasan.

1.3 Bidang Kajian

Teks yang dipilih sebagai *teks sumber* untuk kajian ini ialah teks *karya prosa moden* daripada *bidang ilmu kesusasteraan*. Teks ini

dipilih kerana ia didapati *sebagai sumber* yang kaya dengan penggunaan *bahasa kiasan* yang menjadi data untuk kajian ini. Kata-kata *Larson (1984:85)* bahawa teks kesusasteraan didapati penuh dengan bahasa kiasan, khususnya karya sastera keagamaan, memberikan panduan untuk kajian ini memilih teks kesusasteraan sebagai sumber data bahasa kiasan,

'Kebanyakan karya sastera keagamaan penuh dengan bahasa figuratif dan simbol-simbol yang merujuk kepada benda dan peristiwa.' 2 [Terjemahan saya]

Teks yang menjadi rujukan kajian ini ialah sebuah antologi cerpen bertajuk *DUBLINERS, Joyce (1914)*. Teks ini mengandungi lima belas cerpen dan ia telah dicetak semula pada tahun-tahun 1957, 1958, 1961, 1962, 1963, 1964, 1965, 1966, 1968, 1970, 1972 dan 1973.

Teks ini dipilih kerana ia merupakan *karya asal* pengarangnya, *James Joyce (1914)*, bukan teks yang diterjemahkan daripada karya lain. Maka ungkapan-ungkapan bahasa kiasan di dalam karya tersebut sudah pasti *merupakan ungkapan-ungkapan bahasa kiasan Inggeris yang asli* dan *yang benar-benar membawa makna yang ingin disampaikan oleh pengarang asalnya* itu.

Dari segi *bahasa*, unsur *bahasa kiasan Inggeris* dipilih sebagai sampel untuk data kajian ini. Sasaran kajian ini ialah bahasa kiasan yang terdiri daripada *bentuk satu kata, bentuk frasa dan bentuk klausa / ayat*. Bahasa-bahasa kiasan yang akan dipetik sebagai data kajian boleh terdiri *daripada bentuk peribahasa dan yang bentuk bukan peribahasa*.

Dari segi *terjemahan*, kajian ini *memberi tumpuan pada prosedur terjemahan semantiko-komunikatif* yang dicadangkan untuk digunakan bagi penterjemahan bahasa kiasan. Di samping itu, kajian ini akan menjelaskan langkah-langkah bagi setiap empat peringkat terjemahan dalam prosedur terjemahan semantiko-komunikatif.

1.4 Bahasa Kiasan

Menurut *Abdullah Hassan & Ainon Mohamad (1994: i)*, bahasa kiasan ialah:

“ ... *ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya.*”

Ini bermaksud bahawa bahasa kiasan itu membawa makna yang tersirat, atau makna yang terselindung, bukan makna yang tersurat. Mengikut *Newmark (1981:85; 1988:104-5)*, bahasa kiasan boleh terdiri daripada bentuk *satu kata, frasa, klausa* dan ayat. Menurut beliau lagi, ia juga boleh terdiri daripada bentuk *simpulan bahasa, perumpamaan, cerita pendek yang berunsur nasihat atau keagamaan (parable), fabel dan alegori*.

Wren & Martin (1986:488) pula menjelaskan bahawa:

'Bahasa kiasan merupakan penyimpangan daripada bentuk pengucapan yang biasa, atau daripada cara susunan idea yang biasa ...' 3 [Terjemahan saya]

Berdasarkan dua definisi tersebut, kajian ini mendapati bahawa bahasa kiasan mempunyai ciri-ciri tertentu dari segi bentuk pengucapan atau cara susunan idea itu dilakukan.

Mengikut *Wren & Martin (1986:488)* lagi, bahasa kiasan Inggeris boleh dikategorikan mengikut *empat* bentuk seperti berikut:

Bentuk	Contoh unsur kiasan
(a) Kesamaan	<i>simile, metafora, personifikasi, 'apostrophe'</i>
(b) Kontras	<i>antiseptis, epigram</i>
(c) Asosiasi	<i>metonimia, 'synecdoche'</i>
(d) Konstruksi	<i>klimaks, antiklimaks</i>

Wren & Martin (1986:489-496) menjelaskan setiap unsur bahasa kiasan Inggris itu satu persatu dan beliau juga memberi contoh bagi setiap satu unsur bahasa kiasan yang berkenaan.

Berikut ialah penjelasan bagi lapan belas unsur kiasan Inggris bersama contohnya yang dipetik daripada *Wren & Martin (1986: 489-496)* seperti berikut:

(1) Unsur *simile*

Simile ialah perbandingan antara dua objek yang berbeza jenis tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu titik persamaan seperti dalam 1 (a-c):

(a) *The Assyrian came down like a wolf on the fold.*

(b) *The righteous shall flourish as the palm tree.*

(c) *O my Love's like a red, red rose.*

(2) Unsur *metafora*

Metafora ialah perbandingan terus antara dua objek tanpa pemakaian ungkapan 'like' atau 'as' seperti dalam 2 (a-c):

- (a) *The camel is the ship of the desert.*
- (b) *Life is a dream.*
- (c) *The news was a dagger to his heart.*

(3) Unsur *personifikasi*

Personifikasi merujuk kepada objek-objek yang tidak bernyawa dan idea-idea atau tanggapan-tanggapan abstrak yang dianggap sebagai bernyawa seperti dalam 3 (a-c):

- (a) *'Laughter' holding both her sides.*
- (b) *'Death' lays his icy hand on kings.*
- (c) *'Pride' goeth forth on horseback, grand and gay but cometh back on foot, and begs its way.*

(4) Unsur '*apostrophe*'

'*Apostrophe*' merujuk kepada panggilan atau seruan kepada orang yang telah meninggal dunia atau kepada orang yang tidak hadir di tempat berkenaan atau kepada objek/idea yang dianggap bernyawa seperti dalam 4 (a-c) berikut:

- (a) *Milton! Thou should'st be living at this hour.*

(b) *Roll on, thou deep and dark blue Ocean - Roll!*

(c) *O liberty, what crimes have been committed in thy name?*

(5) **Unsur hiperbola**

Hiperbola merujuk kepada suatu pernyataan atau gambaran yang dibuat secara berlebih-lebihan daripada yang biasa seperti dalam

5 (a-c) berikut:

(a) *Here's the smell of blood still; all the perfumes of Arabia will
not sweeten this little hand.*

(b) *Why, man, if the river were dry, I am able to fill it with tears.*

(c) *I loved Ophelia: forty thousand brothers*

Could not with their quantity of love

Make up the sum.

(6) **Unsur 'euphemism'**

'Euphemism' merujuk kepada gambaran tentang sesuatu hal yang negatif atau yang tidak menyenangkan hati dengan cara yang sopan atau positif seperti dalam 6 (a-b) berikut:

(a) *He has fallen asleep.* (i.e. he is dead)

(b) *You are telling me a fairy tale.* (i.e. a lie)

(7) Unsur '*antithesis*'

'*Antithesis*' merujuk kepada *ucapan atau sentimen yang benar-benar kontras dengan yang lain dibuat dalam ayat yang sama bertujuan untuk memberikan penekanan yang mengkagumkan seperti dalam 7 (a-c) berikut:*

- (a) *Man proposes, God disposes.*
- (b) *Give every man thy ear, but few thy voice.*
- (c) *Speech is silvern, but silence is golden.*

(8) Unsur '*oxymoron*'

'*Oxymoron*' merujuk kepada *suatu bentuk 'antithesis' istimewa yang menggambarkan dua kualiti yang kontras dan yang dinyatakan secara sekaligus seperti dalam 8 (a-b) berikut:*

- (a) *His honour rooted in dishonour stood,
And faith unfaithful kept him falsely true.*
- (b) *She accepted it as the kind cruelty of the surgeon's knife.*

(9) Unsur *epigram*

Epigram merujuk kepada *suatu ungkapan ringkas dan yang bernas untuk tujuan menyindir dan untuk menarik perhatian seperti dalam 9 (a-c) berikut:*

- (a) *The child is the father of man.*

(b) *Fools rush in where angels fear to tread.*

(c) *He makes no friend, who never made a foe.*

(10) Unsur *ironi*

Ironi merujuk kepada suatu bentuk ucapan yang membawa maksud yang bertentangan dengan maknanya yang literal seperti dalam 10 (a-b) berikut:

(a) *The atrocious of being a young man, which the honourable gentleman has, with such spirit and decency, charged upon me, I shall neither attempt to palliate nor deny.*

(b) *No doubt but ye are the people, and wisdom shall die with you.*

(11) Unsur '*pun*'

'*Pun*' merujuk kepada kata-kata yang membawa berbagai pengertian dengan tujuan untuk menimbulkan kesan kelucuan seperti dalam 11 (a-b) berikut:

(a) *Is life worth living? It depends upon the liver.*

(b) *An ambassador is an honest man who lies abroad for the good of his country.*

(12) Unsur *metonimi*

Metonimi: (secara literal ia bermaksud *perubahan makna*) merujuk kepada *nama yang diberi kepada objek yang ada kaitan dengan sesuatu perkara* seperti dalam 12 (a-c) berikut:

- (a) *The Bench, for the judges.*
- (b) *The House, for the members of the House of Commons.*
- (c) *You must address the chair.*

(13) Unsur '*synecdoche*'

'*Synecdoche*' merujuk kepada *perkataan yang digunakan untuk mewakili keseluruhan objek* seperti dalam 13 (a-c) berikut:

- (a) *Give us this day our daily bread. (i.e. food)*
- (b) *A fleet of fifty sails left the harbour. (i.e. ships)*
- (c) *He has many mouths to feed. (i.e. dependants)*

(14) Unsur '*transferred epithet*'

'*Transferred epithet*' merujuk kepada suatu bentuk *kiasan yang dipindahkan kepada objek lain daripada objek yang sepatutnya dikiaskan itu* seperti dalam 14 (a-b) berikut:

- (a) *He passed a sleepless night.*
- (b) *The ploughman homeward plods his weary way.*

(15) **Unsur 'litotes'**

'Litotes' merujuk kepada *pernyataan yang positif disampaikan dengan cara menggunakan pernyataan negatif yang kontras seperti dalam 15 (a-c) berikut:*

(a) *I am a citizen of no mean (a very celebrated) city.*

(b) *The man is no fool (very clever).*

(c) *I am not a little (greatly) surprised.*

(16) **Unsur pertanyaan retorik**

Pertanyaan retorik merujuk kepada soalan yang diajukan bukan untuk tujuan mendapat jawapannya, tetapi ia bertujuan untuk menjadi 'suatu penegasan' sahaja seperti dalam 16 (a-b) berikut:

(a) *Am I my brother's keeper?*

(b) *Shall I waiting in despair,
Die because a woman's fair?*

(17) **Unsur seruan**

Seruan merujuk kepada ayat yang dibentuk semata-mata untuk tujuan menarik perhatian sahaja seperti dalam 17 (a-c) berikut:

(a) *What a piece of wood is man!*

(b) *How sweet the moonlight sleeps upon this bank!*

(c) *O what a fall was there, my countrymen!*

(18) *Unsur klimaks*

Klimaks merujuk kepada susunan suatu siri idea mengikut urutan kepentingannya ke arah yang meningkat seperti dalam 19 (a-b) berikut:

(a) *simple, erect, severe, austere, sublime*

(b) *What a piece of work is man! How noble in reason, how infinite in faculties! In action, how like an angel In apprehension, how like god!*


Unsur kiasan *Wren & Martin (1986:489-96)* boleh disusun mengikut kategori peringkat kata, frasa, klausa, dan ayat bahasa Inggeris seperti berikut:

(19) Peringkat	<i>Unsur kiasan Inggeris</i>
(i) kata	<i>metaphor, personification, apostrophe, pun, metonymy, synecdoche, transferred epithet;</i>
(ii) frasa	<i>simile, apostrophe, euphemism, oxymoron, litotes, climax;</i>
(iii) klausa	<i>simile, hyperbole, climax;</i>
(iv) ayat	<i>hyperbole, antithesis, epigram, rhetorical question, exclamation, climax, simile.</i>

Abdullah Hassan & Ainon Mohamad (1994: ii) pula telah membahagikan *bahasa kiasan Melayu* kepada dua kategori: iaitu kategori *peribahasa* dan kategori *bukan peribahasa* seperti berikut:

(20)

BAHASA KIASAN



Kajian ini mendapati teks kesusasteraan *Dubliners (James Joyce, 1914)* mengandungi beberapa bahasa kiasan seperti yang dijelaskan oleh *Larson (1984:85)* seperti berikut:

'Kebanyakan teks kesusasteraan agama penuh dengan bahasa kiasan dan rujukan-rujukan simbolik kepada objek dan peristiwa.' 4 [Terjemahan saya]

Dengan adanya penggunaan bahasa kiasan dalam teks kesusasteraan, maka ia menimbulkan masalah kepada penterjemah. *Peter Newmark (1981:108)* menegaskan bahawa

penterjemahan bahasa kiasan boleh menyebabkan kehilangan makna dalam teks sasaran:

'Dalam terjemahan teks sastera imaginatif ... kehilangan makna boleh disebabkan oleh sifat-sifat luar biasa metafora, bukannya disebabkan oleh kesan-kesan bunyi bahasa asing.' 5 [Terjemahan saya]

Maka jelaslah bahawa penterjemahan bahasa kiasan dalam bahasa sumber bukan begitu mudah untuk dilaksanakan. Newmark (1988:108) menegaskan bahawa penterjemah berhadapan dengan masalah untuk memahami maksud bahasa kiasan sumber. Newmark (1991:81) menjelaskan lagi bahawa ada juga penterjemah yang bukan sahaja berasa ragu-ragu untuk menterjemahkan teks sastera, tetapi berasa takut untuk menterjemahkannya walaupun bahagian tajuk atau judul teks asal itu secara literal. Menurut beliau:

'Kebanyakan penterjemah sastera menjadi begitu takut akan gangguan sehinggakan mereka tidak terfikir langsung untuk menterjemahkan sesuatu tajuk itu secara literal.' 6 [Terjemahan saya]

Kajian menumpukan perhatian pada bentuk bahasa kiasan pada peringkat kata, frasa, klausa, dan ayat bahasa Inggeris sahaja dan akan turut memanfaatkan penjelasan Wren & Martin (1986)

sebagai panduan tambahan untuk menentukan peringkat-peringkat bahasa kiasan sumber, seperti dalam (20), di samping rujukan kepada kamus ekabahasa dan kamus bahasa kiasan bahasa Inggeris.

1.5 Batas Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan pada prosedur *penterjemahan bahasa kiasan sahaja*, bukan pada *penterjemahan keseluruhan teks*. Walau bagaimanapun, kajian ini akan turut menterjemahkan ayat tempat hadirnya bahasa kiasan berkenaan sebagai bantuan untuk menyampaikan maknanya.

Kajian ini akan menyentuh hanya empat peringkat prosedur *terjemahan semantiko-komunikatif* sahaja, iaitu peringkat:

- (21) (a) *menganalisis teks bahasa sumber,*
- (b) *menganalisis unit terjemahan bahasa kiasan,*
- (c) *menganalisis makna bahasa kiasan,*
- (d) *menganalisis penterjemahan bahasa kiasan.*

Kajian ini tidak akan menyentuh dua peringkat lain, iaitu peringkat *menyemak semula terjemahan bahasa kiasan* dan peringkat *membaiki terjemahan bahasa kiasan*. Batasan ini dilakukan kerana kedua-dua peringkat ini tidak termasuk dalam tujuan utama kajian ini, iaitu untuk menganalisis *prosedur terjemahan bahasa kiasan*.

Di samping itu, *kajian ini akan menjelaskan langkah-langkah bagi setiap empat peringkat* prosedur terjemahan semantiko-komunikatif.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini mahu mencari jawapan dan pengesahan terhadap empat persoalan berikut:

- (22) (a) Adakah kaedah *literal* dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan?
- (b) Adakah kaedah *semantik* dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan?
- (c) Adakah kaedah *komunikatif* dapat diterapkan dalam penterjemahan bahasa kiasan?
- (d) Apakah prosedur yang sesuai untuk menterjemahkan bahasa kiasan Inggeris, sebagai bahasa sumber, yang dapat

memberikan persamaan-persamaan yang *sejadi* atau yang *paling tepat* baginya tanpa menjejaskan *makna* bahasa kiasan sumber dan *stail* teks asal?


1.7 Kerangka Analisis

Bahagian ini menghuraikan kerangka analisis yang akan digunakan dan definisi terjemahan yang menjadi dasar dalam kajian ini.

1.7.1 Definisi Dasar *Penterjemahan* untuk Kajian

Kajian berpegang pada *definisi-definisi penterjemahan Levy (1967), Brislin (1976), Nida & Taber (1974), Newmark (1981), Larson (1984) dan Wills (1990)* seperti berikut:

(23)



Definisi-definisi ini dipilih kerana kajian mendapati bahawa definisi-definisi tersebut dapat *digabungkan* untuk menjadi *definisi dasar terjemahan semantiko-komunikatif* untuk menjelaskan prosedur penterjemahan bahasa kiasan yang bermasalah, iaitu:

(24)

“Penterjemahan ialah suatu aktiviti kognitif yang terikat dengan peraturan-peraturan tertentu bagi proses pemindahan makna (mesej, isi kandungan, pemikiran dan idea) di dalam teks bertulis daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan cara menggunakan persamaan-persamaan yang sejadi atau yang terdekat dan dengan cara memelihara kepentingan gaya (stail) untuk tujuan komunikasi yang dinamik agar pemahaman pembaca teks bahasa sasaran tidak terjejas.”

1.7.2 Konsep Terjemahan Semantiko-Komunikatif

Terjemahan semantiko-komunikatif merujuk kepada *pertindihan atau gabungan terjemahan semantik dan terjemahan komunikatif* Newmark (1981). Maka ia *dapat merapatkan jurang* antara *terjemahan literal* dan *terjemahan bebas* yang boleh digambarkan seperti berikut:

(25)

**Keutamaan bahasa
sumber**

**Keutamaan bahasa
sasaran**

Terjemahan literal

Terjemahan bebas

Terjemahan setia

Terjemahan *idiomatic*

Terjemahan 'semantik'

Terjemahan 'komunikatif'

Terjemahan *semantiko-komunikatif*

↑
(*pertindihan/gabungan*)

Newmark (1981:40) sendiri mengakui bahawa ada kalanya kedua-dua jenis terjemahan ini boleh berlaku secara serentak, iaitu:

*'Terjemahan semantik dan terjemahan komunikatif boleh
sesungguhnya berlaku secara serentak'* 7
[Terjemahan saya]

Pernyataan *Newmark (1981)* di atas memberikan ruang untuk kemungkinan berlakunya gabungan terjemahan semantiko-komunikatif. Mengikut beliau lagi, ada kemungkinan terdapat suatu bahagian teks yang boleh diterjemahkan secara semantik dan yang lain secara komunikatif. Bahkan sebahagian ayat juga boleh diterjemahkan secara semantik dan bahagian yang lain secara komunikatif, atau sebaliknya.

1.7.3 Teori Dasar Terjemahan Semantiko-Komunikatif

Teori terjemahan yang dikemukakan oleh *Dolet (1509-1546)*, *Chapman (1559-1634)*, *George Campbell (1789)*, *Nida (1964)*, *Nida & Taber (1974)* dan *Newmark (1981)* akan dimanfaatkan dalam kajian ini kerana kesemuanya didapati *mengandungi prinsip-prinsip terjemahan, peraturan dan panduan yang relevan yang dapat membantu kajian untuk menjelaskan prosedur terjemahan semantiko-komunikatif*. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil manfaat daripada teori mereka sebagai rujukan yang praktikal bagi menjayakan prosedur terjemahan semantiko-komunikatif.

1.7.3.1 Teori Etienne Dolet (1509-1546)

Teori *Dolet (1509-1546)*, tokoh pertama yang menyumbangkan teori terjemahan, mengandungi *lima prinsip asas terjemahan* yang begitu penting dan yang dapat membantu untuk menjayakan prosedur terjemahan semantiko-komunikatif, iaitu:

- (26) (a) *penterjemah hendaklah benar-benar memahami isi dan tujuan pengarang teks asal;*
- (b) *penterjemah mestilah menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan baik sekali;*
- (c) *penterjemah tidak boleh menterjemah secara kata-demi-kata kerana tindakan ini akan menjejaskan makna asal dan akan membinasakan keindahan teks sumber;*
- (d) *penterjemah hendaklah menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang biasa digunakan dalam bahasa sasaran;*
- (e) *penterjemah harus menyampaikan semula kesan seperti mana yang terdapat di dalam keseluruhan teks bahasa sumber dengan betul melalui pilihan dan susunan kata yang tertentu.*

Kelima-lima prinsip *Dolet (1509-1546)* akan dimanfaatkan sebagai *panduan asas* dalam prosedur terjemahan semantiko-komunikatif, khususnya bagi penterjemahan bahasa kiasan.

1.7.3.2 Teori George Chapman (1559-1634)

Menurut Bassnett (1991:54), *Chapman (1559-1634)* telah memberi *tiga panduan kaedah terjemahan* yang dibayangkan menerusi teori beliau, iaitu:

- (27) (a) *penterjemah harus mengelak daripada menggunakan kaedah terjemahan kata-demi-kata;*
- (b) *penterjemah harus cuba menyampaikan kesan yang samā seperti yang terdapat dalam teks asal kepada pembaca teks bahasa sasaran;*
- (c) *penterjemah tidak seharusnya menterjemah secara rawak atau rambang sehingga hasil terjemahan itu membawa makna yang kabur.*

Panduan-panduan *Chapman (1559-1634)* ini akan dimanfaatkan dalam prosedur terjemahan semantiko-komunikatif.

1.7.3.3 George Campbell (1789)

Nida (1964:18) menegaskan bahawa pada tahun 1789 *George Campbell* telah menghasilkan sebuah buku yang bermutu tentang sejarah dan teori terjemahan dan beliau telah menyumbangkan *tiga prinsip terjemahan* yang menunjukkan kriteria-kriteria penterjemahan yang berguna, iaitu:

- (28) (a) *penterjemah hendaklah menyampaikan maksud seperti yang terkandung di dalam teks asal;*

- (b) *penterjemah harus mengekalkan semangat dan stail penulis teks sumber, seberapa yang boleh, dengan cara menggunakan keistimewaan-keistimewaan yang ada pada bahasa penerima;*
- (c) *seboleh-bolehnya penterjemah harus memastikan bahawa terjemahan itu seperti karangan teks asal, mudah difahami dengan gaya yang bersahaja, bukan yang berupa karangan tiruan.*

Kajian ini akan memanfaatkan khususnya prinsip terjemahan *Campbell* yang kedua, 28(b), kerana ia didapati sesuai bagi penterjemahan bahasa kiasan yang merupakan suatu gaya atau stail yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan maksud, isi kandungan mahupun mesej.

1.7.3.4 Nida (1964), Nida & Taber (1974)

Gutt (1991:66) menegaskan bahawa *Nida (1964)* telah mengemukakan konsep *persamaan dinamis*. Menurut beliau, melalui konsep ini penterjemah bebas memilih bentuk-bentuk bahasa sasaran yang biasa dipakai oleh penutur-penuturnya. *Gutt (1991)* seterusnya menjelaskan bahawa *Nida & Taber(1974)* pula telah menyumbangkan *suatu teori terjemahan yang komprehensif*